

CNS8782

U GB 01-08 00171 BH214

bah

PELANCONGAN TAK SEMESTINYA BURUKKAN ALAM SEKITAR, KATA MAHATHIR
Mahathir - Pelancongan

I

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan projek pelancongan tidak semestinya akan membawa kesan buruk kepada alam sekitar.

Katanya dengan perancangan rapi, pembangunan sektor itu boleh diurus dan diperkembangkan ke tahap yang tidak menjejaskan keadaan alam semulajadi.

+Oleh yang demikian pelaksanaan projek-projek pembangunan hendaklah dirancang supaya sesuatu kawasan itu dijamin tidak tercemar semasa pembinaannya atau akibat daripada bertambahnya bilangan pengguna di kawasan itu, kata Perdana Menteri ketika melancarkan kempen publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Katanya pelancong asing tidak datang ke Malaysia untuk melihat bangunan yang terdapat di seluruh dunia tetapi ingin menikmati keindahan alam semulajadi yang sudah tiada lagi di negara mereka.

Jika pengusaha industri pelancongan memusnahkan kecantikan persekitaran Malaysia terutama di pusat-pusat peranginan, daya tarik negara akan hilang dan pelancong asing tidak akan berminat untuk datang. -- Lagi

♥01/08/21-25MST

CNS8783

U GB 01-08 00138 BH215

bah

Mahathir - Pelancongan 2 Kuala Lumpur

Beliau percaya rakyat yang mengikuti perbincangan mengenai perubahan alam sekitar, menyedari perlunya mengimbangkan kemajuan sektor pelancongan yang melibatkan pembangunan fizikal, dengan keperluan melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar yang asli.

Dr Mahathir berkata warisan budaya dan seni juga merupakan keistimewaan yang boleh ditawarkan kepada pelancong asing selain keindahan alam semulajadi Malaysia.

Beliau juga menekankan pentingnya pengusaha pelancongan menjadikan pelancongan dalam negeri sebagai asas pertumbuhan industri itu kerana kedudukannya lebih kukuh.

+Ini kerana pelancongan dalam negeri dapat mengurangkan kesan-kesan daripada masalah yang menjejaskan pergerakan pelancong asing seperti ancaman peperangan, kemerosotan ekonomi serta pendapatan yang mungkin menyekat keupayaan orang asing untuk melancong.

Beliau sekali lagi menasihati pengusaha pelancongan supaya mengutamakan keperluan jangka panjang dengan memberikan layanan baik kepada pelancong.

-- Bernama

♥01/08/21-26MST